

## **BAHAGIAN X**

### **KUMPULAN WANG PUSAT KOPERASI**

#### **35. Pentadbiran Kumpulan Wang Pusat Koperasi.**

- (1) Wang dalam Kumpulan Wang Pusat Koperasi yang dipegang dan ditadbirkan oleh Ketua Pendaftar menurut subseksyen 75(8) Akta boleh didepositkan atau dilaburkan-
  - (a) dalam mana-mana bank di Malaysia;
  - (b) dalam mana-mana sekuriti Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan mana-mana Negeri;
  - (c) dalam mana-mana syer terbitan awam;
  - (d) dalam pembelian tanah dan bangunan;
  - (e) dalam mana-mana koperasi yang menjalankan perniagaan pembiayaan;
  - (f) dalam apa-apa bentuk pelaburan yang lain yang dibenarkan di bawah mana-mana undang-undang bertulis bagi pelaburan kumpulan wang amanah; atau
  - (g) dalam apa-apa bentuk pelaburan yang lain yang difikirkan patut oleh Ketua Pendaftar dan yang adalah untuk faedah pergerakan koperasi:

Dengan syarat bahawa apa-apa deposit atau pelaburan yang dibuat di bawah subperaturan ini hendaklah, kecuali bagi maksud yang dinyatakan dalam perenggan (a) dan (b), tertakluk kepada kelulusan Menteri jika jumlah wang akan digunakan itu melebihi dua ratus ribu ringgit.

- (2) Ketua Pendaftar boleh menggunakan Kumpulan Wang Pusat Koperasi dan apa-apa pendapatan daripada deposit-deposit atau pelaburan-pelaburan di bawah subperaturan (1) untuk faedah dan pembangunan pergerakan koperasi, dan jika jumlah wang yang akan digunakan itu melebihi satu ratus ribu ringgit, kelulusan Menteri adalah dikehendaki.
- (3) Semua pembayaran yang dibuat daripada Kumpulan Wang Pusat Koperasi hendaklah bagi maksud yang dinyatakan dalam subperaturan 35(1) dan (2) dan hendaklah dibuat dengan baucar-baucar yang diperakui oleh Ketua Pendaftar atau mana-mana pegawai awam yang diberi kuasa olehnya.

- (4) Akaun-akaun Kumpulan Wang Pusat Koperasi hendaklah sentiasa ada wang di dalamnya dan tidak boleh, dalam apa-apa keadaan sekalipun terlebih keluar.
- (5) Pengarah Audit dan Akaun Jabatan Pembangunan Koperasi hendaklah menyimpan akaun dan rekod lain yang sepatutnya berkenaan dengan pengendalian Kumpulan Wang Pusat Koperasi dan hendaklah menyediakan penyata-penyejata akaun berkenaan dengan setiap tahun kewangan.
- (6) Bagi maksud subperaturan (5), "tahun kewangan" ertinya tempoh dari satu haribulan Januari hingga tiga puluh satu haribulan Disember tahun yang sama.
- (7) Akaun-akaun Kumpulan Wang Pusat Koperasi hendaklah diaudit pada setiap tahun oleh seorang juraudit, yang merupakan juruaudit syarikat yang diluluskan mengikut pengertian Akta Syarikat 1965, yang dilantik oleh Ketua Pendaftar.